

# BAB 1

## مدخل الحضارة الإسلامية

# PENGENALAN T. ISLAM

### 1.1. TAKRIF TAMADUN ISLAM

Perkataan “Tamadun berasal daripada perkataan Arab iaitu Kata Kerja “**Tamaddana**” yang bermaksud “memiliki ciri-ciri bandar”. Manakala perkataan bandar itu sendiri dalam bahasa Arabnya ialah “**Al-Madinah**” atau kata jamaknya “**Al-Mudun**” .

Perkataan-perkataan yang sama dengan Tamadun dalam bahasa Arab ialah “**Al-Hadarah**” dan “**Al-Umran**” yang membawa maksud “kemajuan dan pembangunan”. Kesemua ini adalah apa yang telah digariskan oleh Ibnu Khaldun (1332-1460M/732-808H) dalam bukunya “Al-Muqaddimah” , sebuah buku yang mengulas tentang konsep Tamadun.

Perkataan “**Ad-Din**” yang diistilahkan dengan maksud “agama” adalah juga pecahan dari perkataan berkenaan Tamadun tersebut. Perkataan “Ad-Dinul Islam” juga merangkumi maksud “sistem hidup yang lengkap dan maju”.

Perkataan “**civilization**” bermaksud Tamadun dalam bahasa Inggeris hanya mula dipakai pada abad ke-19M dan abad ke-20M. Prof Franz Rosenthal telah menterjemahkan istilah “Umran” ke dalam Bahasa Inggeris sebagai “**Urbanization**” dengan maksud “perbandaran” dan Tamadun sebagai civilization.

## **1.2. PENGERTIAN TAMADUN MENGIKUT SARJANA BARAT**

### **1.2.1. Prof. Clyde Kluchohn**

Beliau berpendapat “sesuatu masyarakat itu dianggap bertamadun jika mempunyai dua dari unsur-unsur berikut :-

- i- Perbandaran yang mempunyai penduduk lebih daripada 5000 orang.
- ii- Penggunaan bahasa bertulis
- iii- Pusat-pusat upacara penting.

### **1.2.2. Riberio**

Seorang ahli antropologi telah mentakrifkan Tamadun sebagai “*revolusi bandar yang mengakibatkan pertumbuhan bandar, negara dan penyusunan masyarakat ke dalam bentuk kelas sosial, perusahaan pertanian, penggunaan logam dan tulisan ... di mana bandar memancarkan Tamadun ke kawasan sekitarnya dengan menawarkan kemajuan spiritual dan material.*

Berdasarkan takrif di atas, aspek penulisan nampaknya penting dalam menentukan Tamadun sesuatu bangsa, kerana H.Mogan dan Edward B. Tylor juga berpendapat sesuatu Tamadun itu bermula dengan bermulanya penggunaan tulisan.

### **1.2.3. Arnold J.Toynbee**

Beliau berpendapat Tamadun ialah : “gambaran fikiran manusia tentang agama, akhlak, adat istiadat dan kesenian”.

## **1.3. PENGERTIAN TAMADUN MENGIKUT SARJANA ISLAM**

### **1.3.1. Ibn Khaldun**

Beliau -sebagai pengasas Ilmu Sains Kemasyarakatan- dalam bukunya *Pengajian Tamadun* (The Study of Civilization) telah mengistilahkan perkataan Tamadun dengan “**hadarah**” yang bermaksud : “*suatu keadaan yang melebihi keperluan biasa dari soal-soal pembangunan yang menyebabkan lahirnya kemewahan dan keselesaan di dalam kehidupan*”.

Manakala “**Umran**” pula beliau mentakrifkannya sebagai “*satu perbandaran yang diduduki oleh sekumpulan masyarakat yang hidup menetap dalam satu keadaan berkembang subur lagi makmur, yang bertentangan dengan keadaan kering, tandus, terbiar atau binasa*”.

### **1.3.2. Abdul Rahman Hassan**

Beliau mentakrifkan Tamadun –dalam bukunya “*Usulul Hadharah al-Islmiah*” sebagai “*sekumpulan manusia di kawasan yang maju samada di bandar atau di kampung*” yang diukur melalui tiga perkara berikut :-

i-Berkaitan dengan jasmani dan kemudahan hidup – termasuklah kemewahan serta keselesaan hidup seperti kesihatan, perkilangan, pertanian, penternakan, perlombongan dan sebagainya.

ii- Mengatur aktiviti masyarakat ke arah keamanan, keadilan dan kebenaran agar dapat menjamin disiplin masyarakat dalam bidang pentadbiran, perundangan, harta benda, kekeluargaan, akhlak, adat istiadat, muamalah dan lain-lain.

iii- Ke arah pencapaian kebahagiaan yang berkekalan dengan mengenal diri, alam sekitar, alam barzakh dan alam akhirat yang merupakan kemuncak kesempurnaan. Dengan ini manusia akan kenal penciptanya dan mereka akan tahu matlamat hidup dan kewajipan mereka terhadap agama.

### **1.4 KONSEP HADHARAH DALAM ISLAM**

Konsep "hadharah" (tamadun) di dalam Islam amat berbeza dengan konsep tamadun barat, walaupun terdapat beberapa aspek persamaan tentang pentingnya memakmur dan memajukan (mentamadunkan) bumi ini.

Perkara utama yang patut diketahui ialah matlamat kewujudan manusia menurut pandangan Islam sebelum kita membincang dan memperincikan kandungan "hadharah" yang hendak dicapai. Islam secara jelas telahpun menetapkan matlamat penciptaan manusia sebagaimana yang dipaparkan oleh al-Quran di dalam maksud ayat-ayat berikut;

1. "***Dan (ingatlah), Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.***" - (Adz-Dzaariyaat: 56)

2."***Sesungguhnya Kami telah aturkan cara menciptakan manusia; bermulanya dari air mani yang bercampur (dari pati***

***benih lelaki dan perempuan), serta Kami tetap mengujinya (dengan kewajipan-kewajipan); oleh itu Kami jadikan dia berkeadaan mendengar dan melihat."***

(al-Insan: 2)

Dan Firman-Nya lagi, makksudnya:

***"Dialah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya,"***

(Hud: 61)

Seterusnya:

***"Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: sesungguhnya Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi,"***

( al-Baqarah: 30)

***"Dialah yang menjadikan bumi bagi kamu: mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah; dan (ingatlah) kepada Allah Jualah (tempat kembali kamu sesudah dibangkitkan hidup semula; (maka hargailah nikmatNya dan takutilah kemurkaanNya)."***

( al-Mulk: 15)

***"Dan Ia memudahkan untuk (faedah dan kegunaan kamu, segala yang ada dilangit dan yang ada di bumi, (sebagai rahmat pemberian) daripadaNya,"***

(al-Jathiah: 13)

***"Dan bagi kamu semua disediakan tempat kediaman di bumi, serta mendapat kesenangan hingga ke suatu masa nanti,"***

(al-Baqarah: 36)

Daripada himpunan ayat-ayat tersebut dan ayat-ayat lain seumpama dengannya kita dapat faham, bahawa manusia dicipta khusus untuk beribadat kepada Allah sekaligus untuk menjadi khalifah Allah di bumi. Dia juga dicipta untuk diuji dan untuk menikmati sebahagian daripada nikmat kesenangan kehidupan dunia

Manusia juga diciptakan untuk memakmurkan (membina tamadun) muka bumi dengan berusaha di seluruh pelusuknya dan menikmati makanan daripada rezeki Allah dan berusaha untuk mencapai kemudahan-kemudahan yang ada di langit dan di bumi...

Matlamat-matlamat ini tidak terdapat pertentangan antara satu sama lain, malah kesemuanya bersepakat dengan berkonsepkan beribadat kepada Allah pada akhirnya.

Allah SWT mencipta manusia supaya mereka menikmati kemudahan alam, menguasai, mewujudkan, membina dan memakmurkan bumi ini. Allah tahu bahawa tugas ini memerlukan sekumpulan pendorong yang kuat dalam diri manusia untuk melakukan kegiatannya agar ia tidak dihalang oleh laut, sungai, gunung-ganang, udara sejuk, udara panas atau penyakit-penyakit, tetapi Allah juga tahu bahawa pendorong-pendorong ini (katakanlah nafsu syahwat) tidak sesuai untuk memenuhi keperluan manusia bagi jangka panjang kerana nafsu itu suatu ketika nanti akan memusnahkan manusia, bukan menolongnya untuk melaksanakan tugas itu ... lantas Allah menetapkan beberapa garis panduan tertentu untuk manusia bersenang lenang.

***"Itulah batas-batas larangan Allah, maka janganlah kamu menghampirinya."***

(Surahal-Baqarah: 187)

Ujian kepada manusia ialah samada ia akan menyahut seruan rabbani lalu patuh kepada aturan-aturan yang telah ditetapkan oleh Allah di dalam mencapai kesenangan atau melampaui aturan-aturan itu kerana inginkan nikmat kesenangan yang lebih. Demikian juga Allah menjadikan perkataan "ibadat" yang menjadi sebab manusia dijadikan dalam bentuk al-Hasr (kepungan) yang dinyatakan dalam ayat mulia dengan didahului oleh nafi dan istithna' (pengecualian):

***"Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan unhik mereka menyembah dan beribadat kepadaKu."***

(Surah al-Zariyat: 56)

Nafi dan istithna' (pengecualian) adalah alat al-Hasr yang paling kuat dalam bahasa Arab. Seterusnya Allah mentakdirkan bahawa sesiapa yang melaksanakan ibadat ini - dengan; pengertiannya yang syumul - maka baginya balasan syurga, dia kekal di dalamnya. Sebaliknya sesiapa yang berpaling dan ingkar dan mengikut hawa nafsunya, maka baginya neraka jahanam dan dia kekal di dalamnya buat selama-lamanya.

Itulah kisah manusia daripada awal hingga akhir, segala

sesuatu di dalam kehidupannya telahpun ditetapkan semenjak umur taklif sehinggalah dia menernui Allah..

Demikian juga telah ditetapkan konsep "tamadun" yang wajib ia berusaha menegakkannya. Hadharah ini bukan setakat memakmurkan bumi dari segi kebendaan sahaja - walaupun kebendaan termasuk dalam hadharah - tetapi konsep sebenar hadharah ialah: memakmurkan bumi mengikut manhaj rabbani. Ketika itulah sahaja hadharah akan mencapai maksud sebenar kewujudan manusia, kerana ia termasuk dalam konsep ibadat yang luas seperti yang dinyatakan oleh ayat yang mulia:

**"Katakanlah: Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah unihik Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. Tiada sekutu bagiNya.."**

(al-An'aam: 162-163)

Manhaj rabbani ialah agama ini!

**"Sesungguhnya agama (yang benar dan diredhai) di sisi Allah ialah Islam."**

(Ali Imraan: 19)

Dan Firmannya lagi: **"Dan sesiapa yang mencari agama selain dari Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan dia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi".**

(Alli 'Imran:85)

Dari ayat-ayat di atas kita dapat pengertian bahawa: agama ini adalah hadharah dan hadharah ialah Islam.

Perkara inilah yang difahami oleh umat Islam, dan bertolak dari kefahaman ini mereka telah membina hadharah yang paling menakjubkan dalam sejarah kemanusiaan iaitu satu tamadun yang membebaskan manusia daripada perhambaan kepada selain daripada Allah, daripada jahil dan khurafat, daripada sifat individu dan ingin menguasai, daripada menjadi hamba kepada nafsu syahwat, daripada kezaliman dalam segala bentuk: politik, ekonomi dan kemasyarakatan...kezaliman keatas diri sendiri dan orang lain. Tamadun inilah yang telah membebaskan manusia dari hamba abdi serta mengangkat martabatnya ke martabat yang selayaknya sebagai seorang manusia.

Oleh itu neraca tamadun ialah agama, iaitu Islam! Kerana agama inilah yang telah menetapkan matlamat kewujudan manusia dan seterusnya menetapkan kegiatan yang boleh dicapai dengan

cara yang paling baik...itulah hadharah yang sebenar dan yang layak bagi manusia...

Mengapakah setengah "orang Islam" memalingkan muka mereka, hati mereka dan pemikiran mereka daripada tamadun yang sebenar dan neraca yang sebenar ini, lantas mereka mengambil neraca cacat yang telahpun menguji Eropah sebelum ini kerana suasana-suasana khusus yang berlaku di sana?

Supaya kita boleh berbaik sangka dengan mereka, kita ingin berkata bahawa realiti orang Islam hari ini adalah amat buruk sekali. Realiti inilah yang menyebabkan golongan ini berpaling daripada konsep yang betul tentang hadharah lalu mengambil neraca Eropah, sambil membuat tuduhan liar bahawa agama merupakan batu penghalang kepada tamadun, dan seterusnya menyeru supaya agama dibuang atau dipinggirkan bagi mencapai kemajuan hidup.

## **1.5. PERBANDINGAN ANTARA TAMADUN ISLAM DAN BARAT**

### **1.5.1 Tamadun Islam**

Yang dikatakan Tamadun Islam itu ialah Tamadun yang didirikan oleh masyarakat Islam di wilayah pemerintahan Islam di mana kemuncaknya dari abad ke-7 hingga abad ke-16M oleh berbagai-bagai bangsa seperti Arab, Farsi, Sepanyol (Andalus), Greek, Turki, India dan lain-lain yang bernaung di bawah pemerintahan Islam hasil daripada penyebaran dakwah Islam ke benua-benua Afrika Utara, Asia Barat, Timur Jauh dan India (Sind).

Tamadun yang murni ini dibina berasaskan wahyu Ilahi iaitu Al-Quran dan Al-Sunnah Al-Nabawiyah yang menolak segala bentuk sentimen perkauman, kebangsaan dan warna kulit, tetapi mengambil kira soal-soal akidah keimanan serta ketaqwaan terhadap Ilahi.

Hal tersebut membawa kepada perpaduan yang bersepadu sehingga Tamadun Islam muncul dengan cepat dan jitu merubah Tamadun jahiliah kepada Tamadun moden yang kesannya dapat dinikmati oleh masyarakat dunia hingga ke hari ini.

### **1.5.2 Tamadun Barat**

Tamadun Barat pula ialah Tamadun yang dicipta oleh orang-orang barat yang tidak berasaskan kepada ajaran Islam dan tidak berpandukan kepada mana-mana kitab samawi, malah ianya berasaskan kepada pemikiran manusia semata-mata.

Keutamaannya hanya kepada kebendaan tanpa melihat kepada soal-soal kerohanian. Oleh itu Tamadun ini telah membawa masyarakatnya ke arah krisis kerohanian yang kompleks sehingga membawa manusia ke tahap haiwaniah dan tidak berperikemanusiaan dengan menggunakan peralatan moden hasil ciptaan dan rekaan mereka (hasil dari Tamadun barat).

Tamadun yang ditaja oleh barat ini tidak memperdulikan aspek "*fitratullah*" yang terdapat dalam diri manusia. Ia tidak menjaga ciri-ciri tersendiri bagi diri manusia, tidak kisah masa depan dan nasib umat manusia sehingga akhirnya simbul ketamadunan dan kemajuannya ini sendiri akan menjadi ancaman terhadap kehidupan manusia.

Punca utama kelemahan tamadun ini menurut Islam ialah ia tidak mengenal Allah, menjauhkan-Nya daripada pemerintahan dalam kerajaan-Nya, sehinggakan tamadun ini berperanan seolah-olah ia adalah penguasa agung dunia.

Segala yang bersifat material diagungkan, sebaliknya yang bersifat spirtuala (maknawi) diremehkan. Kemajuan diukur dengan penghasilan produk yang terbanyak dan perkhidmatan yang dihasilkan dan kadar yang paling maksima dalam memenuhi kehendak kelazatan dan syahwat sekalipun mengorbankan nilai dan akhlak. Tidak menghairankan kita sekiranya tamadun ini rohnyanya kosong walaupun jasadnya besar, dan akibat terakhirnya kemungkinan dunia tiada agama, ilmu tiada iman dan patung tiada nyawa.

Untuk menyelamatkan tamadun ini tidak akan berjaya, melainkan melalui risalah tamadun yang dibawa oleh orang-orang Islam untuk dunia, iaitu risalah yang bersifat Rabbaniah (Ketuhanan), Insaniah (kemanusiaan) dan akhlakiah (berakhlak)

## **1.6 KEISTIMEWAAN TAMADUN ISLAM**

- i- Bersumberkan kepada wahyu di samping mengakui ketinggian akal manusia.
- ii- Mempunyai bentuk yang tetap dan tidak dipengaruhi oleh hawa nafsu.
- iii- Terbuka kepada semua Tamadun lain; iaitu bersifat "take and give" yang bertaut dengan kebudayaan lain seperti Yunan, farsi dan lain-lain.
- iv- Bersesuaian dengan fitrah manusia atas asas kebahagiaan dunia dan akhirat.
- v- Tamadun yang syumul / sempurna.

### **1.7 CIRI-CIRI TAMADUN ISLAM**

Tamadun Islam mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Namun ia bersifat terbuka iaitu boleh menerima Tamadun asing selagi Tamadun tersebut tidak bercanggah dengan dasar-dasar Islam. Di antara ciri-ciri Tamadun Islam ialah :-

#### **1.7.1. Berasaskan kepada ajaran al-Quran**

Segala bentuk Tamadun samada dari segi kebendaan atau kerohanian tertakluk kepada ajaran al-Quran, kerana al-Quran merupakan sumber ajaran Islam yang utama dan perlembagaan hidup yang syumul dalam menjamin kesejahteraan alam sejagat. Dengan ajaran Al-Quranlah terbinanya kecemerlangan Tamadun Islam dalam beberapa abad yang lampau.

#### **1.7.2. Berteraskan Pendidikan dan Ilmu Pengetahuan**

Dalam Islam ilmu merupakan tonggak kesempurnaan iman dan ketaqwaan. Ini jelas diperkatakan oleh al-Quran maksudnya :-

***“Sesungguhnya setakut-takut hamba (manusia) kepada Allah ialah para ulamak” Fathir :28***

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda mengenai kepentingan ilmu pengetahuan dalam membina kemajuan agama dan Tamadun sebagaimana sabdanya yang bermaksud :-

***Sesiapa yang inginkan dunia hendaklah dia berilmu dan sesiapa yang inginkan akhirat hendaklah dia berilmu dan sesiapa yang inginkan kedua-duanya (dunia dan akhirat) hendaklah dia berilmu***

Hasil dari gesaan inilah lahirnya ilmuan-ilmuan Islam yang mahir dalam semua bidang dan sama-sama membangunkan Tamadun yang murni berasaskan ketaqwaan kepada pencipta Alam (Allah).

#### **1.7.3 Penggunaan Tulisan**

Penulisan adalah cara utama untuk membasmi kejahilan. Oleh itu al-Quran telah memberi perhatian utama mengenai penulisan ini di mana ayat yang pertama yang diturunkan adalah perintah supaya manusia membaca dan menerangkan juga bahawa

Allah mengajar manusia melalui perantaraan pena.  
(Lihat Surah al-'Alaq:1)

**1.7.4 Gabungan antara Aspek rohani dan Jasmani**

Kemajuan dan pembangunan serta kemewahan adalah bersifat kebendaan semata-mata. Itu semua tidak bermakna sekiranya tidak disepadukan dengan pembangunan rohani insan, kerana keamanan dan kesejahteraan insan itu berkait rapat dengan keperibadian yang tinggi dan pekerti yang mulia. Kegagalan dari kemajuan Barat pada hari ini bahkan juga negara-negara Islam juga berpunca daripada Tamadun dan pembangunan manusia yang hanya bersifat kebendaan semata-mata tanpa diikuti dengan pembangunan rohani.

**1.7.5. Masyarakat Majmuk (Multy National)**

Islam menolak sentimen perkauman dan ras keturunan. Semua bangsa yang memeluk Islam dianggap sebagai masyarakat Islam dan mereka berperanan dalam membangunkan Tamadun di wilayah yang mereka diami seperti *Istana Al-Hambra* di Sepanyol dan *Taj Mahal* di Agra India. Begitu juga dengan aspek-aspek lain terutamanya penulisan buku, penterjemahan dan lain-lain lagi yang akan kita pelajari dalam bidang-bidangnya yang tertentu.

**1.7.6 Pembinaan Kota**

Pembinaan kota mengikut Tamadun Islam mempunyai ciri-ciri seperti berikut :-

- i- Bandar yang dapat menampung penduduk yang sedia ada dan mereka yang bertumpu kepadanya.
- ii- Bangunan yang bersejarah yang menjadi keagungan seperti masjid dan istana
- iii- Dihiasi dengan seni khat (tulisan Arab)

Bandar atau kota yang pertama muncul dalam sejarah Islam ialah "***Al-Madinah Al-Munawwrah***" dan "***Makkah Al-Mukarramah***" sebagai asas pembinaannya.

**1.7.7 Ilmu Seni Binaan**

Sarjana Islam dan barat menganggap senibina merupakan ciri penting dalam sesuatu Tamadun. Begitu juga Ibnu Khaldun menganggap senibina merupakan ciri penting dalam Tamadun Islam,

kerana ia berkait rapat dengan pembentukan bandar dan sekaligus sebagai asas pembangunan bandar.

**1.7.8 Kesenian Halus**

Di antara ciri Tamadun Islam ialah kesenian halus yang mengandungi dua bentuk kesenian iaitu seni khat dan awan larat. Kedua-dua bentuk kesenian ini digunakan oleh Umat Islam untuk menghiasi kulit-kulit kitab, bangunan-bangunan, perabut, peralatan tembikar, barang kemas, perhiasan-perhiasan daripada gading dan kaca (kristal), wang, lencana dan lain-lain.

Demikianlah di antara ciri-ciri Tamadun Islam yang dapat disenaraikan di dalam tajuk ini.

&&&&&&&&